

28 SEP 2001

Mahathir-Militan

KERAJAAN ADA BUKTI DOKUMEN KAITAN KMM DENGAN TALIBAN, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 28 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan mempunyai bukti-bukti dokumen tentang penglibatan anggota Kumpulan Militan Malaysia (KMM) dengan pihak Taliban di Afghanistan.

Katanya, bukti-bukti itu termasuk gambar-gambar semasa mereka berada di Afghanistan, gambar mereka dengan orang-orang Afghan dan juga pendirian mereka yang agak militan.

"Mereka semuanya daripada Pas... nampak mereka bertindak bersendirian, kerana mereka berasa cara demokratik tidak mungkin memberi kuasa kepada Pas, jadi cara yang boleh memberi kuasa kepada Pas ialah dengan cara militan," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di ibu pejabat parti di sini petang ini.

Dr Mahathir berkata anggota KMM itu kembali ke tanah air dengan hasrat untuk bertindak ganas bagi menjatuhkan kerajaan secara kekerasan kerana kononnya hendak mendirikan kerajaan Islam.

Anggota-anggota KMM terbabit menyertai Taliban dan mendapat latihan di Afghanistan dan Pakistan serta mendewa-dewakan Osama bin Laden, katanya.

Perdana Menteri berkata kegiatan KMM itu terbongkar apabila pihak berkuasa berjaya menangkap mereka berikutan kegagalan satu cubaan merompak sebuah bank di Lembah Klang.

"Daripada tangkapan itu kita dapat maklumat daripada mereka tentang siapa yang terlibat," katanya.

Dr Mahathir berkata kumpulan itu juga berpendapat demokrasi adalah bukan cara Islam dan oleh kerana itu mereka menolak demokrasi.

"Mereka ingin cuba mendirikan kerajaan secara kekerasan dan lepas itu tidak demokrasi lagilah, kerana mereka akan menggunakan cara-cara yang dikatakan Islam untuk memerintah negara ini," katanya.

Perdana Menteri berkata KMM juga berpendapat bahawa menyamun bank adalah halal kerana wang di bank yang terbabit dengan riba adalah bertentangan dengan ajaran Islam dan boleh dicuri.

Oleh itu mereka cuba mencuri wang dari bank, bagaimanapun mereka tidak begitu cekap untuk berbuat demikian, katanya.

Dr Mahathir berkata golongan itu juga dikenalpasti mempunyai kaitan dengan kumpulan di Indonesia dan Filipina.

"Saya tak boleh nak jelaskan semua tetapi nampak jelas bahawa mereka berniat untuk menjatuhkan kerajaan dengan menggunakan kekerasan," katanya.

Ditanya sama ada kerajaan akan mengeluarkan kertas putih mengenai kegiatan KMM itu, Perdana Menteri berkata kerajaan sedang memikirkan soal itu.

"Kerana ada kes yang kita terpaksa bawa ke mahkamah, jadi kita bimbang kalau kita bawa ke mahkamah setelah kertas putih dikeluarkan, mungkin ia jadi satu masalah pula kerana kita terikat dengan undang-undang kita," katanya.

Penyiasatan terhadap kegiatan itu juga masih diteruskan dan sebab itu kerajaan tidak boleh mengeluarkan kertas putih mengenainya sekarang, tetapi ia mungkin dikeluarkan pada suatu masa yang sesuai kemudian, tambah beliau.

-- BERNAMA

AFY AFY MOZ